

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU****PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

1103/2

BAHASA MELAYU**Kertas 2****Ogos 2011****2 $\frac{1}{2}$ jam****Dua jam tiga puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Disediakan oleh: AKRAM NEGERI TERENGGANU *Dengan Kerjasama:* MPSM NEGERI TERENGGANU *Dibiayai oleh:* KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah pembalakan haram dan kepentingan mengekalkan kawasan hutan. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Satu demi satu pendedahan dibongkarkan media massa mengenai pembalakan haram bagi memenuhi kehendak pembangunan tanpa mempedulikan keselesaan habitat haiwan atau tumbesaran tumbuhan di sesuatu kawasan yang terlibat. Berikutan itu, timbul beberapa persoalan, antaranya adakah kes pembalakan haram semakin serius dan sebagai perbandingan, berapakah bilangan kes pembalakan tanpa kebenaran di hutan simpan? Selain itu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencegah pembalakan haram?

Risikan bersepadu yang dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Perhutanan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara berkala telah berjaya membongkarkan beberapa kes pembalakan haram yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kes yang ditemui di Bukit Enggang, Bandar Sungai Long, Selangor misalnya ialah hasil daripada risikan yang dijalankan. Pada tahun 2010 sahaja, lima tangkapan dengan hukuman penjara selama 10 bulan dikenakan dan tiga tangkapan lagi dikenakan hukuman penjara 11 bulan terhadap mereka yang didapati bersalah.

Kerajaan telah memperuntukkan RM150,000 hingga RM200,000 setahun menerusi Projek Pembalakan Haram Sifar kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor khususnya bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Pemantauan melalui udara menggunakan helikopter turut dijalankan sebagai langkah membanteras kegiatan ini. Sistem Pengurusan Memilih (SMS) pula merupakan satu sistem pengurusan hutan yang diamalkan di dalam kawasan hutan asli yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) bagi menjamin pengeluaran hasil hutan, khususnya kayu balak secara mampan iaitu selepas mencapai tempoh matang antara 25 hingga 55 tahun.

Sistem itu membabitkan bancian bagi menentukan had tebaran pokok yang matang di dalam kawasan HSK yang dikenal pasti mengikut had keluasan tebaran tahunan yang ditetapkan Majlis Perhutanan Negara. Jabatan Perhutanan juga menetapkan bahawa had tebaran ditentukan berasaskan dua jenis utama kayu balak iaitu damar (dipterokarpa) seperti spesies pokok cengal, meranti dan keruing serta bukan damar (bukan dipterokarpa) yang meliputi pokok merbau, kempas dan nyatuh. Hal ini bertujuan bagi memastikan sekurang-kurangnya 25 peratus daripada hutan yang ditinggalkan selepas pembalakan terdiri daripada pokok dari jenis damar yang menjadi identiti hutan hujan negara ini. Bancian terhadap anak-anak pokok yang tinggal akan dilaksanakan selepas pembalakan bagi menentukan rawatan sesuai untuk pertumbuhannya.

Oleh sebab pembalakan haram banyak mendatangkan kerugian kepada kehidupan kita dan ekosistem semula jadi, maka kita perlu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini. Kita tidak mahu generasi akan datang tidak dapat melihat dan menikmati keindahan flora dan fauna lantaran kesan pembalakan haram.

(Diubahsuaikan daripada Sejauh mana Kes Pembalakan Haram Diselesaikan Tanpa Persoalan, Wan Jailani Razak, Berita Harian 10 Mei 2011)

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menjadi identiti*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri Sistem Pengurusan Memilih. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan aktiviti pembalakan haram terhadap alam sekitar? [4 markah]

Soalan 2 (b) Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SHAHRUL: Huh, mari kejap...! (*SANI datang kepadanya*). Uhhhh, beginilah! Abang terpaksa balik petang, err malam ini. Esok abang sudah mula kerja, Sani.

SANI: Abang, buat apa abang cakap dengan Sani? Abang alang beritahu emaklah.

SHAHRUL: (*Resah*) Itulah yang menjadi masalahnya. Usahkan aku hendak cakap fasal balik, cakap pun dia tidak mahu. Hanya berzikir, berdoa, sebut nama bapa dan sebut Tuhan. Macam mana aku hendak beritahu dia?

SANI: Abang alang beritahu Sani, Sani hendak buat apa? Sama juga macam abang tak cakap dengan emak.

SHAHRUL: Tetapi, sekurang-kurangnya emak masih mahu bercakap dengan engkau.

SANI: Emak cuma cakap yang perlu saja, abang. Pukul berapa? Sudah masuk waktu atau belum? Hari ini hari apa? Ada bapa engkau balik? Itu saja.

SHAHRUL: Yang aku pelik, ini sudah hari ketiga bapa hilang. Sudah puas penyelamat *survey* muka laut, cari ke pulau-pulau berdekatan tetapi masih tak jumpa mayat bapa. Kau suruh emak terima saja hakikat ini. Buat sembahyang ghaib, buat kenduri arwah. Habis cerita. Bukankah senang?

SANI: (*Senyum sinis*) Abang alang ... maafkan Sani. Abang tak patut luahkan ini pada Sani. Pertama, abang alang lebih dewasa daripada Sani. Kedua, abang alang belum ada apa-apa tanggungjawab. Apa salahnya kalau abang tinggal lama sedikit dengan emak. Tunggu sampai kita tahu keputusannya (melafazkan dengan tenang).

SHAHRUL: (*Mula meninggikan suara*) Ohhh, engkau ingat, bank di Kuala Lumpur itu, bank aku? Kalau diberhentikan, macam mana?

SANI: Macam yang Sani katakan tadi.

SHAHRUL: Kata apa?

SANI: Abang alang berpelajaran tinggi. Graduan dan belum berumah tangga. Graduan abang! Nak takut apa?

SHAHRUL: (*Marah*) Sani, engkau ingat cari kerja di Kuala Lumpur itu macam orang pasang pukat udang di laut, ya? Tak banyak, sikit mesti ada yang sangkut? Engkau tahu atau tidak, berapa ribu graduan-graduan yang sedang menganggur sekarang ini? Tahu?

(Dipetik daripada Drama *Tiang Cengal Dinding Sayung* oleh Suriani Mohd. Yusof, dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Sani beranggapan bahawa Shahrul tidak patut meluahkan perasaan yang terbuka di hatinya? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan berlakunya pengangguran dalam kalangan siswazah di negara ini? [4 markah]
- (iii) Jelaskan satu nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas dan dua lagi nilai murni yang terkandung dalam keseluruhan drama ini. [3 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Melihatkan lanun itu telah pergi, jurumudi segera mencabut kerisnya lalu menikam seekor ayam lagi, kemudian dengan keris berdarah itu pergilah dia menghadap Tuanku Nakhoda Tua mengatakan dialah yang telah menyelamatkan geliung itu daripada dirampas oleh lanun.

Dengan tidak berfikir panjang lagi, Tuanku Nakhoda Tua percaya dengan kata-kata jurumudi yang palsu itu, lalu baginda menitahkan Mualim Cik Mas menikahkan puterinya dengan jurumudi itu.

Apabila jurumudi dan mualim sudah sedia di depan Tuanku Nakhoda Tua, masuklah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa dengan geramnya, “ Ya, ayahanda, tua orang tua, berakal; makin tua makin bermanyak, tetapi tua ayah anda tua cendawan makin tua makin busuk! ”

Tuanku Nakhoda menjadi tersentak, “ Hai anakku yang tidak tahu dek untung, mengapakah kau berkelakuan demikian ini di depan orang tua?”

“ Kerana mata ayahanda sudah kabur dan telinga ayahanda sudah pekak, sebab itulah anakanda berkata demikian. Cubalah ayahanda lihat siapakah di dalam petak jubung yang dilingkari tali sauh itu? ”

Tuanku Nakhoda Tua segera menjengah ke petak jubung. Dilihatnya ada seorang muda yang sangat tampan dengan wajahnya berseri-seri bagai purnama empat belas hari bulan. Baginda tertegun kaum lalu kembali bertanya kepada puterinya. “ Hai anakanda, siapakah pemuda yang di dalam jubung itu? ”

“ Dialah budak hitam yang meminta tolong bayarkan hutangnya kepada ayahandanya dulu, tetapi telah ayahanda nyahkan dia. ”

(Dipetik daripada ‘Pelayaran Yang Penuh Peristiwa’,
Dalam Antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *tidak tahu dek untung*. [2 markah]
- (ii) Apakah kata-kata Tuan Puteri Dayang Seri Jawa yang menyebabkan ayahandanya begitu marah? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah Tuanku Nakhoda Tua menitahkan puterinya bernikah dengan jurumudi? [3 markah]

Soalan 2 (d) Sajak

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DIRGAHAYU BAHASAKU

Tempatmu di singgahsana
hati nurani bangsaku
warga yang berbudi
setia dan amanah.

Bahasa itu maruah bangsa
yang mesti dipelihara martabatnya
agar tetap kukuh dan ampuh
melayari lautan bijaksana
salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku
hak bangsaku memilikimu
hak bangsaku mendaulatkanmu
di bumi bertuah ini
merentas dunia tak bertepi.

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan
ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan
gagah pelautku membelah lautan
ke utara dan ke selatan bahasaku mencengkam
dari pulau ke pulau menggilap mutiara silam.

Dirgahayu bahasaku
di arena antarabangsa suaramu tumbuh
menusuk kalbu lagu bahasamu
bahasamu bahasa minda
mudah akrab bertatasusila
daripada bangsa yang bernama Melayu
menempa kejayaan di alaf baru.

AHMAD SARJU

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Jelaskan kegemilangan yang pernah dikecapi oleh bangsa dan bahasa Melayu dalam rangkap yang keempat. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dijalankan untuk mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi? [3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga persoalan yang terdapat dalam sajak 'Dirgahayu Bahasaku'. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) bekalan
- (ii) pembekal
- (iii) membekalkan
- (iv) menaiki
- (v) kenaikan
- (vi) penaikan

[6 markah]

- (b) *Tukar ayat susunan songsang di bawah kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Tersusun kemas alat-alat pertukangan di dalam bengkel itu.
- (ii) Perlu kita tamatkan sahaja perlawanan ini kerana hujan semakin lebat.
- (iii) Akan menerima hadiah utama sesiapa sahaja yang meneka kedudukan bola dengan tepat.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Para ilmuan sedang berbincang tentang cara-cara untuk meningkat hasil negara dalam bidang komersial.
- (ii) Setiap pelajar mempunyai tahap kecerdekan yang berbeza dan perlukan masa untuk mempelajari sesuatu perkara yang dipelajari di sekolah.
- (iii) Semua pegawai pelajaran yang telah perkhidmatan untuk jangka masa yang tertentu akan dinaikkan pangkat secara automatik.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Semua pelajar-pelajar digalakkan supaya menonton laman Kementerian Pengajian Tinggi untuk mendapatkan maklumat kemasukan ke Institusi Pengajian Awam (IPTA).
- (ii) Walaupun kita terpaksa bersaing-saing sesama sendiri untuk merebut jawatan itu, persahabatan perlulah dipulihara.
- (iii) Sebagai pelajar, kita mesti tabah merempuh segala cabaran agar supaya kita berjaya dalam pelajaran.

[6 markah]

(e) *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

- (i) indah khabar daripada rupa
- (ii) meninggi diri
- (iii) kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai

[6 markah]

Soalan 4: Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (ii) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Interlok karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Sesebuah novel yang menarik banyak bergantung kepada persoalan yang diutarakan oleh pengarang.

Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sebuah novel yang anda telah kaji.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu** nilai murni yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT